



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh : 11 April 2018**

**Bil. 2/2018**

**Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA HARI MENGUNDI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM KE-14**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan tarikh 9 Mei 2018 sebagai hari kelepasan am tambahan sempena hari mengundi untuk Pilihan Raya Umum Ke-14.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sepertimana yang telah sedia maklum, Pilihan Raya Umum Ke-14 ialah pada 9 Mei 2018 berikutan pengumuman oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sehubungan itu, kerajaan telah menetapkan hari tersebut sebagai Hari Kelepasan Am tambahan seluruh negara. Ini bagi membolehkan rakyat Malaysia khususnya kakitangan Universiti Malaysia Sabah menjalankan tanggung jawab sebagai pengundi.
- 2.2 Pengisytiharan cuti umum ini di buat berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi Sabah dan Sarawak, Kerajaan-Kerajaan Negeri hendaklah mengisytiharkan hari kelepasan am tambahan pada tarikh tersebut mengikut Ordinan Hari Kelepasan Am masing-masing.
- 2.3 Perkara ini telah dimaklumkan melalui Kenyataan Media Pejabat Perdana Menteri bertarikh 11 April 2018.
- 2.4 Sebagai makluman warga universiti, bagi kakitangan yang membuang undi di lokasi yang berjauhan daripada universiti, kakitangan boleh memohon untuk menggunakan kelayakan cuti rehat tahunan masing-masing bagi tujuan perjalanan pergi dan balik.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Ketua Jabatan harus mengambil perhatian dan memaklumkan kakitangan dibawah seliaan masing-masing berkenaan tarikh 9 Mei 2018 sebagai Hari Kelepasan Am tambahan sempena hari mengundi untuk Pilihan Raya Umum Ke-14.

### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa pada 11 April 2018.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**



**NO'MAN HJ. AHMAD**  
Pendaftar

Tarikh : 11 April 2018

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)